



Sri Paus: Sentuh dan layani

mereka yang menderita

ASSISI: Sri Paus Leo XIV merayakan Misa pada Khamis, Ogos 6, bersama ribuan belia dari seluruh Eropah yang berhimpun di Assisi sempena Perhimpunan Belia Fransiskan 2026 yang bertemakan Go!

Dalam Misa yang berlangsung di Basilika Santa Maria degli Angeli, Sri Paus menggalakkan golongan muda agar pergi ke “pinggiran” masyarakat, iaitu tempat “di mana ketidakadilan dan keangkuhan segelintir pihak merampas maruah serta impian ramai orang.”

“Kita dipanggil untuk membaca Kitab Suci bersama Sang Guru, mentafsir zaman kita dan membuat keputusan sambil melangkah mengikut jejak-Nya,” kata Sri Paus Leo.

“Kita berada di sini untuk mengatasi sikap putus asa dan ketakutan, serta meleraikan keraguan yang menghalang langkah kita sebagaimana yang pernah menghalang para rasul. Yesus mengundang kita berdialog dengan kisah hidup-Nya supaya kita dapat menulis lembaran baharu dalam sejarah.”

Menurut beliau, Assisi ialah tempat di mana “segala-galanya seakan-akan berbisik bahawa hidup kita boleh diubah, memancarkan cahaya dan memperbaiki dunia.”

Bapa Suci mengingatkan bahawa di Assisi

jugalah bermulanya “transformasi Santo Fransiskus, Santa Klara dan kemudian ribuan orang muda selepas mereka.”

Mengatasi ketakutan, memulakan perubahan

Sri Paus memulakan homilinya dengan merenungkan Pesta Transfigurasi Tuhan yang disambut Gereja pada hari tersebut.

Prelatus itu berkata, Yesus mengalami transfigurasi “ketika sedang berdialog dengan Bapa, bersama mereka yang mendahului-Nya — Musa dan Elia — serta bersama para murid yang hidup sezaman dengan-Nya.”

Katanya, Gereja wujud “untuk menarik kita masuk ke dalam dinamika mendengar dan membuat keputusan, membantu kita memahami untuk siapa kita hidup dan bagaimana kita harus hidup.”

Bapa Suci menegaskan bahawa Gereja ialah “komuniti tempat kita belajar membezakan suara Tuhan” dan berani mentaati Roh Kudus, sebagaimana ketaatan itu menjadikan semua yang mengikuti Yesus berani serta kreatif dalam pelayanan mereka.

Merangkul kesederhanaan hidup

Sri Paus berkata, jika pilihan Santo Fransiskus untuk meninggalkan cara hidup duniawi dianggap suatu tindakan yang revolusioner, pilihan Santa Klara lebih mengagumkan lagi.

Seperti Santo Fransiskus, Santa Klara “ingin hidup dalam kebebasan yang sejati.” Menurut beliau, inilah tenaga yang menggerakkan agama Kristian, iaitu “semangat memulakan dan sentiasa memperbaharui kehidupan.”

“Anak-anak muda yang dikasihi, hari ini Eropah dan seluruh dunia sedang menantikan lahirnya para kudus yang baharu. Beranilah mempercayai sabda Injil, jadilah manusia yang sepenuhnya bebas dalam Yesus Kristus dan pilihlah menjalani hidup yang sederhana.”

“Tema perhimpunan kamu, *Go!*, adalah satu misi dan perutusan itu mengutus kamu menyusuri jalan-jalan yang belum mempunyai peta, kerana jalan itu hanya terbuka apabila kita mendengar suara hati, taat kepada Roh Kudus dan mengikuti Tuhan yang Bangkit, yang telah lebih dahulu melangkah di hadapan kita.”

Menyentuh luka manusia

Sri Paus menegaskan bahawa semua itu perlu dilakukan tanpa menjauhkan diri daripada “luka-luka Tuhan,” sebagaimana pernah diperingatkan oleh mendiang Sri Paus Fransiskus.

Memetik dokumen *Evangelii gaudium*, beliau mengingatkan bahawa “Yesus mahu kita menyentuh penderitaan manusia, menyentuh tubuh sesama yang menderita. Dia mengharapkan kita berhenti mencari

ruang peribadi atau kelompok yang membolehkan kita menjauhkan diri daripada penderitaan manusia.”

Membina tamadun kasih

Sri Paus turut mengakui bahawa golongan muda mungkin berhadapan dengan salah faham, termasuk daripada ahli keluarga sendiri, sebagaimana yang pernah dialami oleh Santo Fransiskus.

Namun, beliau menegaskan bahawa meninggalkan budaya yang berasaskan kuasa serta meruntuhkan tembok yang memisahkan sesama manusia bukanlah suatu pengkhianatan terhadap keluarga, kota mahupun tradisi.

Sebaliknya, langkah itu membebaskan manusia “daripada bayang-bayang ketakutan, musuh yang dicipta oleh rasa takut dan kejahilan, serta keganasan yang cuba memaksakan aturan sempitnya ke atas realiti yang jauh lebih luas daripada apa yang dapat kita fahami.”

“Percaya kepada Tuhan bererti menemukan, seperti Santo Fransiskus dan Santa Klara, sebuah dunia yang dipenuhi saudara dan saudari untuk dihargai serta dilayani, bukannya dieksploitasi atau dikuasai,” kata Sri Paus.

“Dunia ini bukan sesuatu yang perlu dipertahankan daripada orang lain, tetapi sesuatu yang harus dipeluk dengan kasih.”

Media Vatikan

Berbuah pada waktunya

Ada perbezaan antara sekuntum bunga yang sedang mekar dengan bunga yang akhirnya menghasilkan buah. Gambaran ini dapat membantu kita memahami perbezaan tersebut.

Pada mulanya, bunga hanyalah putik kecil yang hampir tidak disedari. Sedikit demi sedikit ia berkembang sehingga mekar dengan indah.

Ketika itulah bunga berada pada kemuncak kecantikannya. Ia menarik perhatian, dikagumi dan memancarkan keindahan. Namun, keadaan itu bukanlah tujuan akhirnya dan belum menandakan kematangannya yang sebenar.

Walaupun bunga yang mekar sudah memberikan keindahan kepada dunia, ia belum menghasilkan buahnya yang paling bermakna.

Bunga hanya mencapai tujuan akhirnya apabila kelopakannya mula layu. Pada saat itulah benih terbentuk dan kehidupan baharu mula disebarkan.

Di sinilah tersembunyi satu pengajaran hidup yang sukar kita terima. Kita mudah memahami dan menghargai saat-saat kehidupan yang sedang berkembang, tetapi sukar menerima saat kehidupan mula merosot.

Kita mengagungkan zaman kegemilangan, namun sukar menerima bahawa kita mungkin paling banyak membawa kehidupan kepada orang lain selepas zaman kegemilangan itu berlalu.

Yesus sendiri menjadi contoh yang paling jelas. Ketika pelayanan-Nya berada di kemuncak, Dia melakukan mukjizat, menarik

ribuan orang dan menjadi tumpuan ramai. Itulah saat pelayanan-Nya sedang “mekar”.

Memang benar, pada masa itu Dia sudah membawa kehidupan kepada ramai orang.

Namun, buah yang paling besar dihasilkan apabila “mekarnya” mulai layu. Orang ramai meninggalkan-Nya. Dia dihina, dicekik, disiksa dan akhirnya wafat di kayu salib dalam keadaan seolah-olah ditinggalkan hampir semua orang.

Seperti bunga yang melepaskan benih ketika layu, Yesus melalui kematian-Nya menaburkan benih kehidupan baharu kepada seluruh dunia, jauh lebih mendalam daripada ketika pelayanan-Nya berada di kemuncak.

Ahli mistik terkenal, Santo Yohanes dari Salib menggunakan gambaran ini sebagai asas kerohaniannya.

Beliau menulis bahawa “pusat terdalam” sesuatu bukanlah bahagian yang paling tersembunyi, tetapi tahap tertinggi yang dapat dicapai oleh kehidupan, kuasa dan pertumbuhannya.

Bagi bunga, pusat terdalam itu bukan ketika ia sedang mekar, tetapi ketika ia mengeluarkan benih sewaktu mula layu.

Begitu juga manusia. Kita sering menganggap zaman muda sebagai kemuncak kehidupan.

Namun, kemuncak yang sebenar tercapai apabila jiwa semakin matang. Walaupun tubuh semakin tua dan tenaga semakin berkurang, pada waktu itulah hidup kita sering menghasilkan buah yang paling bermakna.

Perkembangan seksualiti manusia dapat

membantu kita memahami perkara ini.

Ramai menyangka kemuncak seksualiti ialah ketika tubuh berada pada tahap paling menarik dan keinginan seksual paling kuat.

Malah, ada yang beranggapan bahawa kemuncaknya tercapai apabila hubungan suami isteri menghasilkan zuriat.

Walaupun melahirkan kehidupan baharu merupakan buah yang indah dan sebahagian daripada rancangan Tuhan, ia masih belum mencapai pusat terdalam seksualiti manusia.

Kitab Kejadian menyatakan, “Tidak baik manusia itu seorang diri” (Kejadian 2:18). Oleh itu, seksualiti dikurniakan bukan sekadar untuk menghasilkan zuriat, tetapi juga untuk membawa manusia keluar daripada kesunyian menuju persekutuan hidup dengan orang lain.

Namun, kesunyian tidak mudah diatasi. Seseorang masih boleh berasa sangat sunyi walaupun berada dalam hubungan intim. Seorang rakan penulis yang sudah berkahwin pernah berkata, “Apakah yang lebih sunyi daripada tidur seorang diri? Jawabannya ialah “Tidur seorang diri walaupun sebenarnya tidak bersendirian.”

Ketika seksualiti masih belum matang, dorongan semula jadinya ialah memiliki orang yang dianggap cantik bukannya mengaguminya. Sikap memiliki masih berpusat pada diri sendiri dan akhirnya tidak mampu menghapuskan kesunyian.

Apakah yang benar-benar membebaskan manusia daripada kesunyian?

Jawapannya ialah apabila kita mampu berdiri di hadapan keindahan dan me-



mandangnya dengan kekaguman yang murni, tanpa keinginan untuk memiliki. Pada saat itu, kita tidak lagi dikuasai oleh kepentingan diri sendiri. Sebaliknya, kita benar-benar mampu mengasihi orang lain. Di situlah kematangan jiwa yang sejati bermula.

Dalam erti kata lain, kematangan terdalam seseorang bukanlah apabila dia dikagumi, tetapi apabila dia mampu mengagumi orang lain.

Sebagai contoh, apabila seseorang memandang anak atau cucunya dengan penuh rasa syukur, kagum dan kasih, tanpa sebarang kepentingan diri, dia sedang mengalami kematangan jiwa yang sejati.

Dia memandang kehidupan sebagaimana Tuhan memandang ciptaan-Nya pada awal kejadian: “Sungguh amat baik.”

Begitu jugalah ketika Tuhan memandang Yesus pada pembaptisan-Nya sambil bersabda, “Inilah Anak-Ku yang Kukasihi, kepada-Nyalah Aku berkenan” (Matius 3:17).

Ketika kita sedang “mekar”, orang lain mengagumi kita. Namun, kita hanya benar-benar mengatasi kesunyian apabila kita sendiri belajar mengagumi keindahan, tenaga dan kehidupan dalam diri orang lain, lalu memberkati mereka dengan hati yang tulus. **Fr Ron Rolheiser @ Hak Cipta Terpelihara 1999-2026**

Maria mendahului kita ke dalam kemuliaan

Seorang wanita muda baru sahaja menerima berita yang mengubah seluruh hidupnya.

Dia baru mendapat pekerjaan impiannya. Telefon bimbitnya tidak berhenti berbunyi dengan ucapan tahniah. Ramai menjangkakan dia akan meraikan kejayaan itu bersama keluarga dan rakan-rakan.

Namun sebelum sempat meraikannya, dia menerima satu lagi berita. Ibu saudaranya yang sudah lanjut usia tiba-tiba jatuh sakit dan memerlukan seseorang untuk menjaganya.

Tanpa banyak berfikir, dia mengemas pakaian, menanggukkan semua rancangannya dan terus berangkat untuk membantu.

Ramai orang mungkin berkata, “Bukanlah sekarang masanya untuk dia menikmati kegembiraannya sendiri?”

Tetapi kasih sejati selalu melakukan perkara yang berbeza. Apabila hati dipenuhi kasih, kita tidak hanya memikirkan diri sendiri. Kita mula melihat keperluan orang lain.

Itulah yang dilakukan oleh Maria dalam Injil hari ini.

Baru sahaja menerima khabar gembira daripada Malaikat Gabriel bahawa beliau akan menjadi Bonda Penyelamat dunia. Secara manusiawi, Maria mempunyai banyak perkara untuk difikirkan.

Bagaimana hendak menjelaskan kehamilannya? Apakah reaksi Yosef? Bagaimana masa depannya?

Namun, Injil mencatatkan sesuatu yang sangat indah. Maria bergegas mengunjungi Elisabet. Mengapa?

Kerana iman yang sejati sentiasa melahirkan pelayanan. Rahmat yang diterima bukan untuk disimpan, tetapi untuk dikongsi.

Maria bukan sekadar membawa dirinya kepada Elisabet. Beliau membawa Yesus.

Sebaik sahaja salam Maria didengar, anak



di dalam kandungan Elisabet melonjak kegembiraan. Kehadiran Kristus, walaupun masih tersembunyi dalam rahim Maria, sudah membawa sukacita dan rahmat.

Bukankah itu juga panggilan kita? Mungkin kita tidak mampu berkhutbah. Kita bukan paderi atau biarawan. Namun kita boleh membawa Kristus melalui kehidupan kita.

Apabila kita mengunjungi orang sakit, mendengar seorang sahabat yang sedang terluka, memaafkan orang yang menyakiti kita atau membantu jiran yang memerlukan, kita sedang membawa Kristus kepada mereka.

Gereja merayakan penggenapan perjalanan iman Maria melalui Hari Raya Maria Diangkat ke Syurga kerana beliau menjadi tanda harapan bagi semua orang beriman. Kesetiiaannya tidak terbatas pada pelayanan di dunia, tetapi membawanya kepada kemuliaan bersama Tuhan di syurga.

Dalam bacaan kedua, Santo Paulus menegaskan bahawa Kristus telah bangkit sebagai “buah sulung” mereka yang telah

meninggal dunia.

Kebangkitan Yesus membuka jalan bagi semua orang yang setia kepada-Nya. Maria ialah insan pertama yang menikmati sepeenuhnya janji itu apabila beliau diangkat ke syurga bersama tubuh dan jiwanya.

Perayaan ini mengingatkan kita bahawa hidup tidak berakhir di tanah perkuburan. Destinasi akhir orang Kristian ialah kehidupan kekal bersama Tuhan.

Keyakinan inilah yang membezakan iman Kristian daripada sekadar kepercayaan bahawa kematian adalah penamat segalanya.

Sebagai umat yang percaya kepada Kristus yang bangkit, kita memandang kematian bukan sebagai pintu yang tertutup, tetapi sebagai pintu yang membuka jalan menuju kehidupan yang kekal.

Maria menjadi tanda nyata harapan itu. Apa yang dialami oleh beliau hari ini merupakan gambaran awal tentang apa yang dijanjikan Tuhan kepada semua orang yang setia kepada-Nya.

Dengan diangkat ke syurga bersama tu-

**HARI RAYA BESAR SP MARIA
DIANGKAT KE SYURGA**
Wahyu 11:19; 12:1–6,10
1 Korintus 15:20–26
Lukas 1:39–56

buh dan jiwanya, Maria menunjukkan bahawa Tuhan bukan sahaja menyelamatkan jiwa manusia, tetapi seluruh diri manusia. Tubuh yang kita gunakan untuk mengasihi, melayani dan melakukan kehendak Tuhan juga dipanggil untuk mengambil bahagian dalam kemuliaan kebangkitan.

Namun ada satu perkara yang sering kita terlepas pandang.

Maria tidak dimuliakan kerana beliau terkenal. Bukan kerana beliau melakukan mukjizat yang hebat. Bukan juga kerana beliau mencari penghormatan.

Beliau dimuliakan kerana sepanjang hidupnya beliau setia berkata “ya” kepada Tuhan. “Ya” ketika menerima khabar daripada malaikat. “Ya” ketika melayani Elisabet.

“Ya” ketika berdiri di kaki salib. Dan “ya” itu akhirnya membawanya kepada kemuliaan syurga.

Mungkin kita tidak akan diingati oleh dunia. Nama kita mungkin tidak pernah muncul dalam akhbar atau buku sejarah. Namun setiap tindakan kasih yang dilakukan dengan tulus tidak pernah sia-sia di mata Tuhan. Maria mengajar kita bahawa jalan menuju syurga bukanlah melalui kemasyhuran, tetapi melalui kesetiaan dalam perkara-perkara kecil, kerendahan hati dan pelayanan kepada sesama.

Semoga pada Hari Raya Maria Diangkat ke Syurga ini, kita belajar seperti Maria: segera pergi kepada mereka yang memerlukan, membawa Kristus melalui hidup kita, dan hidup dengan harapan bahawa suatu hari nanti kita juga akan dipanggil berkongsi kemuliaan bersama-Nya di syurga. Amin.
Fr Romanus Bona, Lantera Kehidupan

Sembilan Gereja bersatu dalam doa ekumenikal di Cheras

CHERAS: Seramai 250 orang Kristian daripada sembilan Gereja di sekitar Cheras berhimpun di Gereja St Francis of Assisi (SFA) bagi menyertai Ibadat Doa Ekumenikal sebagai tanda komitmen bersama untuk memperkukuh perpaduan dalam kalangan pengikut Kristus.

Ibadat tersebut diilhamkan oleh tema Minggu Doa untuk Perpaduan Kristian tahun ini, "Hanya ada satu tubuh dan satu Roh, sama seperti kamu telah dipanggil kepada satu pengharapan" (Efesus 4:4).

Doa Ekumenikal itu menghimpunkan para pastor, pemimpin gereja dan umat daripada pelbagai denominasi untuk berdoa, beribadat dan merenungkan panggilan bersama sebagai murid Kristus.

Sembilan Gereja yang mengambil bahagian ialah Gereja St Francis of Assisi (SFA), *Charis Sanctuary*, *Emmanuel Community Church AG*, *Faith Covenant Church International*, *Full Gospel Assembly Cheras English*, *Abundant Life*, *Bethsaida Assembly of God*, *Gospel Lighthouse Church* dan *Mudun Chinese Methodist Church*.

Turut hadir ialah wakil *Parish Ministry of Ecumenical and Interreligious Affairs* (PMEIA) dari Katedral St John the Evangelist sebagai tanda sokongan Keuskupan

Agung Kuala Lumpur terhadap usaha memupuk perpaduan Kristian.

Program itu dianjurkan oleh pasukan PMEIA Paroki SFA yang sejak sekian lama berusaha membina hubungan persaudaraan dan dialog antara Gereja di kawasan Cheras.

Dalam renungannya, paderi paroki SFA, Fr Paul Cheong OFM Cap, menegaskan bahawa perpaduan Kristian bukanlah sesuatu yang diwujudkan oleh usaha manusia semata-mata, tetapi merupakan anugerah Roh Kudus.

Walaupun setiap Gereja mempunyai tradisi dan amalan yang berbeza, semua orang Kristian dipanggil untuk berjalan bersama dalam kerendahan hati, kelemahlembutan dan kesabaran, sambil memberi kesaksian melalui karya keadilan, belas kasihan dan pelayanan.

Sementara itu, Pastor Stewart Law dari *Abundant Life Church* berkongsi sejarah kerjasama antara Gereja di Cheras.

Beliau menjelaskan bahawa pelbagai inisiatif, termasuk perhimpunan doa bulanan dan giliran menjadi tuan rumah ibadat, telah mengeratkan hubungan antara para pastor dan komuniti Kristian. Ibadat diakhiri dengan jamuan persaudaraan di Dewan St John Paul II.



TOB pertama dalam BM

KLANG: Program Teologi Tubuh (*Theology of the Body*, TOB) pertama yang dikendalikan sepenuhnya dalam bahasa Melayu telah berlangsung di Gereja Our Lady of Lourdes baru-baru ini, menghimpunkan 42 peserta, kebanyakannya merupakan calon Krisma daripada pelbagai paroki di Keuskupan Agung Kuala Lumpur.

Program sehari yang berlangsung pada pukul 8.30 pagi hingga 4.30 petang itu menampilkan Brian Jude Lazaroo sebagai penceramah utama.

Ia dianjurkan bagi membantu pembentukan rohani dan peribadi para remaja melalui penghayatan ajaran Teologi Tubuh yang diperkenalkan oleh Sri Paus Sto Yohanes Paulus II.

Sepanjang program, para peserta mengikuti empat sesi utama yang mengupas identiti manusia, kasih sejati, tujuan hidup dan cabaran menghidupi iman dalam dunia moden.

Sesi pertama bertajuk "Mengapa Saya Diciptakan?" mengajak para peserta merenungkan asal-usul dan identiti mereka sebagai ciptaan Tuhan.

Setiap manusia diciptakan secara unik dan dipanggil untuk menjalin hubungan peribadi dengan Tuhan.

Melalui sesi "Apakah Erti Kasih yang Sejati?" peserta didedahkan kepada makna kasih menurut Teologi Tubuh.

Penceramah menjelaskan bahawa kasih sejati bukan sekadar perasaan, tetapi pemberian diri yang tulus, setia dan bertanggungjawab.

Beliau turut menekankan kesucian tubuh sebagai anugerah Tuhan serta panggilan untuk menghormati maruah diri sendiri dan orang lain.

Sesi ketiga, "Apakah Tujuan Hidup Saya?" memberi peluang kepada para peserta merenungkan panggilan hidup mereka melampaui pencapaian duniawi.

Mereka diingatkan bahawa matlamat utama kehidupan ialah bertumbuh dalam kekudusan, membina hubungan yang akrab dengan Tuhan dan sesama, serta melaksanakan misi yang telah dipercayakan oleh Tuhan kepada setiap individu.

Program diakhiri dengan sesi "Bagaimana Saya Hidup dalam Dunia Masa Kini?" yang menyentuh cabaran kehidupan remaja pada era digital.

Antara topik yang dibincangkan ialah penggunaan media sosial, persahabatan, percintaan, membuat keputusan yang bijaksana serta kekal teguh mempertahankan nilai-nilai Kristian dalam masyarakat yang semakin mencabar.

Sebelum bersurai, para peserta mengambil bahagian dalam sesi soal jawab yang memberi ruang untuk mengemukakan pertanyaan serta berkongsi pandangan berhubung isu-isu yang dibincangkan. **Sr Chennisia Seting, SSFS**



Bulan Alkitab lahirkan pelapis muda pewarta Sabda Tuhan

LIMBAHAU: Bulan Eksplorasi Alkitab yang disambut di paroki Holy Rosary Limbahau telah menyaksikan kemunculan pelapis baharu pembaca Sabda dan pemazmur bagi bahasa Melayu dan Kadazan.

Program yang julung kali diadakan ini mendapat sambutan yang amat menggalakkan daripada umat menerusi penyertaan dalam pelbagai aktiviti kreatif dan interaktif.

Antara aktiviti utama ialah pertandingan mewarna, mencipta

kad kreatif firman Tuhan dan kipas kreatif firman Tuhan yang melibatkan kanak-kanak PMG, di samping pertandingan menghasilkan kraf-tangan berasaskan petikan Alkitab menggunakan bahan kitar semula.

Para peserta juga memeriahkan program melalui aktiviti permainan bertemakan Alkitab seperti *Word Hunter*, *Amazing Bible Race*, *Bible Walk* dan *Family Games* yang membantu mereka mengenali Firman Tuhan dalam suasana yang ceria dan menyenangkan.

Program ini bukan sahaja mem-

perkukuhkan pemahaman tentang Alkitab, malah membina kreativiti, keyakinan diri, semangat kerjasama serta menanam minat dalam kalangan kanak-kanak dan belia untuk semakin mencintai dan melayani Tuhan.

Bulan Eksplorasi Alkitab turut membuahkan hasil yang positif apabila semakin ramai umat, khususnya kanak-kanak dan belia, menunjukkan minat yang lebih mendalam terhadap Kitab Suci.

Mereka bukan sahaja lebih menghargai Sabda Tuhan, malah



semakin terdorong untuk membaca, merenungkan dan menghayatinya sebagai panduan dalam kehidupan seharian.

Penghargaan yang tidak terhingga diucapkan kepada paderi paroki

Holy Rosary, Fr Paul Lo, serta dua paderi pembantunya, Fr Joshua Liew dan Fr Florian, para pengatur, fasilitator, ibu bapa serta semua peserta yang telah menjayakan Bulan Eksplorasi Alkitab 2026.

KENINGAU: Keuskupan Keningau mengumumkan pelantikan dan penempatan baharu enam orang paderi sebagai sebahagian daripada usaha memenuhi keperluan pastoral umat di seluruh keuskupan.

Menurut pengumuman yang ditandatangani oleh Uskup Keningau, Cornelius Piong, pelantikan baharu ini bertujuan memperkukuh pelayanan di beberapa paroki dan misi di seluruh keuskupan.

Antara pelantikan yang diumumkan ialah Fr David Gasikol sebagai Paderi Paroki Gereja Holy Cross, Toboh, manakala Fr Nelbart Peter ditugaskan sebagai Paderi Paroki Gereja St Anthony, Tenom.



Fr Bede Morti pula dilantik sebagai Paderi Paroki Gereja Roh Kudus, Sook, sementara Fr Ronnie Luni ditugaskan sebagai Paderi Penguasa Gereja Mission St Bede, Nabawan.

Dalam pada itu, Fr Bonaventura Unting dilantik sebagai Paderi Pembantu di Gereja Roh Kudus, Sook, dan Fr Philip Muji dilantik

Perpindahan minor paderi di Keuskupan Keningau

sebagai Paderi Pembantu di Katedral St Francis Xavier, Keningau.

Perpindahan ini merupakan sebahagian daripada amalan biasa dalam kehidupan Gereja bagi memenuhi keperluan pastoral umat serta memastikan kesinambungan pelayanan di setiap paroki dan misi.

Pengumuman yang ditandatangani oleh Uskup Keningau, Cornelius Piong, itu disahkan oleh Canselor Keuskupan, Fr Rudolph Joannes.

Senarai perpindahan minor 2026–2029:

- Fr David Gasikol – Paderi Paroki, Gereja Holy Cross, Toboh.
- Fr Nelbart Peter – Paderi Paroki, Gereja St Anthony, Tenom.
- Fr Bede Morti – Paderi Paroki, Gereja Roh Kudus, Sook.
- Fr Ronnie Luni – Paderi Penguasa, Gereja Mission St Bede, Nabawan.
- Fr Bonaventura Unting – Paderi Pembantu, Gereja Roh Kudus, Sook.
- Fr Philip Muji – Paderi Pembantu, Katedral St Francis Xavier, Keningau.

Sahabat kecil Yesus

Hello anak-anak,

Biasanya Gereja Katolik menyambut Hari Raya Santa Perawan Maria Diangkat ke Syurga pada 15 Ogos. Namun, pada tahun ini, para Uskup Katolik Malaysia, Singapura dan Brunei telah memutuskan bahawa perayaan ini diraikan pada Ahad, 16 Ogos, supaya lebih ramai umat dapat menghadiri Misa Kudus dan bersama-sama meraikan hari istimewa ini.

Mengapakah kita begitu menghormati Bonda Maria?

Pertama sekali, Maria ialah ibu kepada Yesus, Putera Tuhan.

Apabila Malaikat Gabriel menyampaikan khabar bahawa beliau akan melahirkan Yesus, Maria dengan rendah hati menjawab, "Sesungguhnya, aku ini hamba Tuhan; jadilah kepadaku menurut perkataanmu itu."

Maria taat kepada kehendak Tuhan walaupun beliau belum mengetahui segala yang bakal berlaku.

Maria juga sentiasa bersama Yesus. Beliau menjaga Yesus ketika kecil,

menemani-Nya sepanjang hidup, malah berdiri di kaki salib ketika Yesus wafat. Selepas Yesus bangkit dan naik ke syurga, Maria terus berdoa bersama para rasul.

Kita tidak menyembah Maria. Kita hanya menyembah Tuhan Tritunggal: Bapa, Putera dan Roh Kudus. Sebaliknya, kita menghormati Maria kerana beliau ialah ibu Yesus dan teladan terbaik dalam beriman. Kita juga meminta Maria mendoakan kita kepada Yesus, sama seperti kita meminta ibu, ayah atau rakan mendoakan kita.

Hari Raya Santa Perawan Maria Diangkat ke Syurga mengingatkan kita bahawa pada akhir hidupnya, Tuhan mengangkat Maria ke syurga dengan jiwa dan raganya. Perayaan ini memberi harapan kepada kita bahawa jika kita mengasihi Tuhan dan hidup setia kepada-Nya, suatu hari nanti kita juga akan menikmati kehidupan kekal bersama-Nya di syurga.

Salam Sayang
Aunty Melly

Jon mewarna



Ayat Hafalan : Lukas 1:42-45

1

Diberkatilah engkau di antara semua wanita, dan diberkatilah anak dalam kandunganmu. (Lukas 1:42)

2

Siapakah aku ini, sehingga ibu Tuhanku datang mengunjungiku? (Lukas 1:43)

3

Berbahagialah engkau yang percaya, kerana apa yang difirmankan Tuhan kepadamu akan terlaksana. (Lukas 1:45)

Ayat rahsia untuk Bonda Maria

Tukarkan symbol kepada perkataan dengan menggunakan petunjuk di bawah.



KU
KAN
DAN ✨ ✨ BERGEMBIRA

KERANA ☼☼☼ ✖✖ . (Lukas 1:46-47)

PETUNJUK

✨ = hatiku ☼ = jiwa ☼☼☼ = Tuhan

☆ = memulia ♥ = Tuhan ✖✖ = penyelamatku

PENYELAMATKU

BESAR

BERSUKACITA

BERBAHAGIA

HAMBA-NYA

MEMPERHATIKAN

MEMULIAKAN

MENYEBUT

KUDUSLAH

MAHA KUASA

JIWAKU

TUHAN,

DAN ROHKU

KERANA TUHAN,

SEBAB DIA TELAH KERENDAHAN

..... . SESUNGGUHNYA, MULAI SEKARANG

SEGALA KETURUNAN AKAN AKU

KERANA YANG TELAH

MELAKUKAN PERKARA-PERKARA BAGIKU.

..... NAMA-NYA.

(LUKAS 1: 46-49)

BELIA

Retret "Setia Sehingga Akhir" kukuhkan panggilan belia

SRI AMAN: Seramai 19 belia daripada Parish Youth Ministry (PYM) Sri Aman yang mewakili Holy Family Church, Betong dan Our Lady Queen of Peace Church, Simanggang, menyertai *Retreat Servants & Music Ministry 2026* di Catholic Memorial and Pilgrimage Centre (CMPC), Gunung Singai, pada Ogos 1 hingga 2 lalu.

Bertemakan "Setia Sehingga Akhir", retret yang dipimpin oleh Fr Henry Jimbey itu memberi peluang kepada para peserta memperbaharui panggilan mereka sebagai pelayan Gereja melalui doa, refleksi dan pengalaman hidup berkomuniti.

Berbeza daripada kebanyakan retret, program ini tidak disusun dengan jadual yang terperinci atau arahan yang khusus. Sebaliknya, para peserta digalakkan mengambil inisiatif, memikul tanggungjawab dan belajar melayani dengan rela hati dalam setiap aktiviti yang dijalankan.

Sepanjang retret, para peserta diajak merenungkan dua persoalan asas dalam kehidupan seorang pelayan Gereja:



"Mengapa saya masih berada dalam Gereja Katolik?" dan "Mengapa saya masih melayani?"

Refleksi tersebut membantu mereka menilai semula tujuan serta motivasi pelayanan agar sentiasa berpusat kepada Kristus.

Selain sesi perkongsian dan refleksi iman, para peserta turut mengambil bahagian dalam pelbagai aktiviti berkumpulan dan permainan yang menguji pengetahuan tentang Kitab Suci, kehidu-



pan Gereja dan cabaran pelayanan pada masa kini.

Aktiviti-aktiviti tersebut bukan sahaja mengeratkan persaudaraan, malah memupuk kerjasama, kepimpinan dan saling menyokong dalam kalangan belia.

Salah satu pengisian yang paling menyentuh hati ialah renungan tentang Yesus membasuh kaki para murid. Dengan mengikat sehelai kain pada pinggang-Nya dan membasuh kaki para murid, Yesus memperlihatkan bahawa kepimpinan sejati berakar pada kerendahan hati dan kesediaan untuk melayani orang lain dengan kasih.

Sepanjang retret itu, Fr Henry turut mengingatkan para peserta bahawa "Jika jalan kita adalah betul, maka berkat Tuhan akan sentiasa menyertai kita," serta menegaskan bahawa "Yesus adalah tunjang kehidupan kita dalam Gereja."

Retret tersebut diharapkan dapat memperbaharui semangat para belia untuk terus melayani dengan setia, rendah hati dan berakar dalam Kristus, sekali gus memperkukuh komitmen mereka dalam pelayanan muzik dan pelbagai pelayanan lain di paroki masing-masing.

Belia harus utamakan kerajaan Tuhan

APIN-APIN: Misa Kudus Penerimaan Sakramen Krisma bagi Zon Apin-Apin berlangsung dengan penuh kesyukuran di Gereja St Gabriel, Kirokot Baru, baru-baru ini. Misa Kudus Krisma dipimpin oleh Uskup Datuk Cornelius Piong.

Seramai 35 calon Krisma dari seluruh Zon Apin-Apin menerima Sakramen

Penguatan sebagai tanda pengukuhan iman melalui pencurahan Roh Kudus.

Dalam homilinya, Uskup Cornelius menegaskan bahawa Kerajaan Tuhan merupakan matlamat hidup setiap orang Kristian.

Bapa Uskup mengingatkan bahawa Kerajaan Tuhan mula bertumbuh



dalam diri seseorang sejak menerima Sakramen Pembaptisan, dan sebagai murid Kristus, setiap umat dipanggil untuk sentiasa mengutamakan kehendak Tuhan mengatasi perkara-perkara duniawi yang bersifat sementara.

Prelatus itu turut menegaskan bahawa Roh Kudus ialah Penolong, Pembimbing dan Pengajar yang sentiasa menyertai kehidupan umat beriman.

"Oleh itu," kata Uskup Cornelius, "setiap orang Kristian hendaklah sentiasa memohon bimbingan Roh Kudus agar dikurniakan kebijaksanaan untuk membuat pilihan yang selaras dengan kehendak Tuhan serta kekal teguh dalam iman."

Selepas Misa Kudus, majlis diteruskan dengan sesi persaudaraan di dewan Gereja yang diserikan dengan persembahan daripada para calon Krisma dari KUK St Gabriel dan KUK St Anthony Abbot.



Seoul mulakan hitung detik menuju WYD 2027

SEOUL: Penganjur Hari Belia Sedunia (World Youth Day, WYD) Seoul 2027 melancarkan lagu tema rasmi pelbagai bahasa pada 3 Ogos lalu, bertepatan dengan detik setahun sebelum perhimpunan belia Katolik terbesar dunia itu berlangsung di Seoul pada Ogos 3 hingga 8, 2027.

Lagu bertajuk "*Confidite, Ego Vici Mundum*" (Tabahkanlah Hatimu, Aku Telah Mengalahkan Dunia) dipilih daripada 434 penyertaan dalam pertandingan antarabangsa, termasuk 294 penyertaan dari luar Korea Selatan.

Komposer Korea, Francis Jiyeon Kim, menghasilkan karya yang menggabungkan enam bahasa rasmi WYD 2027, iaitu bahasa Korea, Inggeris, Itali, Sepanyol, Perancis dan Portugis.

Berdasarkan tema WYD 2027, "Tabahkanlah hatimu! Aku telah mengalahkan dunia" (Yohanes 16:33), lagu tersebut menampilkan korus dalam bahasa Latin, "*Confidite, Ego Vici Mundum*", yang membolehkan para penziarah dari seluruh dunia menyanyikan korus yang sama tanpa mengira bahasa.

Versi klasik dan pop lagu itu dipersembahkan menerusi siaran langsung di saluran YouTube rasmi WYD Seoul 2027, sekali gus menandakan bermulanya fasa akhir persiapan penganjuran.

Presiden Jawatankuasa Penganjur, Uskup Agung Peter Soon-taick Chung, berkata tempoh setahun akan datang, pihaknya akan memberi tumpuan kepada menyempurnakan segala persiapan bagi menyambut belia Katolik dari seluruh dunia.

Penganjur turut melancarkan *Breath of Life Global Tree-Planting Campaign* bersama *Laudato Si' Movement*, yang menggalakkan golongan muda menanam pokok sebagai tanda komitmen terhadap penjagaan alam sekitar.

Keuskupan Agung Seoul juga sedang menyediakan program homestay di 230 paroki serta merekrut 30,000 sukarelawan bagi menyokong pengurusan, keselamatan, penterjemahan dan perkhidmatan perubatan.

Sejak diumumkan sebagai tuan rumah WYD pada 2023, Seoul telah memperkenalkan logo rasmi, tema Kitab Suci, lima santo penaung, koir dan orkestra rasmi WYD. Penganjur berharap Hari Belia Sedunia 2027 akan menjadi perayaan iman yang memperkukuh persaudaraan sejagat serta memberi inspirasi kepada generasi muda untuk terus menjadi saksi Kristus. **LiCAS News**

Berita singkat antarabangsa

Bapa Suci bakal lawat tiga negara Amerika Latin

VATIKAN: Sri Paus Leo XIV akan mengadakan Perjalanan Apostolik ke Uruguay, Argentina dan Peru dari November 6 hingga 17, demikian diumumkan oleh Pejabat Media Takhta Suci.

Sepanjang lawatan itu, Sri Paus akan mengunjungi Montevideo, Paysandú dan Florida di Uruguay dari November 6 hingga 8; Buenos Aires, Córdoba dan Luján di Argentina dari November 8 hingga 11; Lima, Chiclayo, Cusco serta Pucallpa di Peru dari November 11 hingga 17.

Uruguay merupakan negara di Amerika Latin yang mempunyai peratusan penganut Katolik paling rendah, dengan hanya sekitar 36 peratus penduduknya beragama Katolik.

Argentina pula ialah tanah air mendiang Sri Paus Fransiskus. Walaupun berasal dari Buenos Aires, mendiang Sri Paus tidak sempat mengunjungi negaranya sepanjang hampir 12 tahun memimpin Gereja Katolik.

Bagi Sri Paus Leo XIV, Peru mempunyai makna yang istimewa. Beliau mula berkhidmat di negara

itu sebagai misionari pada tahun 1980-an, kemudian dilantik sebagai uskup dan seterusnya memperoleh kewarganegaraan Peru.

Perjalanan Apostolik ke Amerika Latin ini merupakan lawatan antarabangsa keenam Sri Paus Leo XIV. Sepanjang 11 hari, beliau dijadual melawat 10 buah bandar, manakala jadual penuh lawatan akan diumumkan oleh Takhta Suci pada masa akan datang.

Gereja di Uruguay menyambut dengan penuh sukacita pengumuman mengenai Perjalanan Apostolik Sri Paus Leo XIV, yang akan berlangsung pada bulan November ini sebagai destinasi pertama lawatan beliau ke Amerika Latin.

Menurut Presiden Persidangan Uskup Uruguay, Uskup Milton Tróccoli, ketibaan Sri Paus merupakan rahmat yang telah lama dinantikan.

Lawatan itu diyakini akan menyemarakkan semangat komuniti Katolik, mengukuhkan misi evangelisasi Gereja serta membawa mesej harapan yang baharu kepada seluruh negara. **Media Vatikan**

Kristian dan Konfusianisme perkukuh dialog

SEOUL: Dialog yang tulen tidak menghapuskan perbezaan, sebaliknya memperdalam persefahaman, mengukuhkan kepercayaan dan memperkaya semua pihak.

Demikian antara penegasan Kenyataan Akhir Kolokium Konfusian-Kristian Pertama yang berlangsung di Universiti Sogang, Seoul, pada Ogos 4 hingga 5 lalu.

Kolokium anjuran Dikasteri bagi Dialog Antara Agama bersama Persidangan Uskup Katolik Korea, Akademi Konfusian Korea dan Universiti Sogang itu menghimpunkan para sarjana, pemimpin agama dan pendidik dari Asia, Eropah dan Amerika Utara bagi membincangkan pembinaan masyarakat yang lebih har-

moni.

Para peserta mengakui bahawa walaupun tradisi Kristian dan Konfusian berbeza tetapi keduanya berkongsi aspirasi untuk membina dunia yang berteraskan keadilan, belas kasihan, keamanan dan keharmonian.

Kardinal George Jacob Koovakad, Prefek Dikasteri bagi Dialog Antara Agama, menegaskan bahawa dialog menghormati perbezaan asas sambil membolehkan setiap tradisi saling memperkaya antara satu sama lain.

Beliau berkata kedua-dua tradisi berkongsi harapan agar manusia dapat hidup selaras dengan kebaikan, keadilan dan keamanan. **LiCAS News**

Chiang Mai miliki Uskup baharu

CHIANG MAI: Ribuan umat Katolik, termasuk wakil pelbagai komuniti etnik, ratusan paderi, religius dan umat awam menghadiri pentahbisan Uskup Peter Suphot Roeksujarit sebagai uskup ketujuh Keuskupan Chiang Mai di Katedral Sacred Heart of Jesus, Thailand, pada Julai 29 lalu.

Misa pentahbisan yang dipimpin Uskup Agung Francis Xavier Vira Arpondratana, Presiden Persidangan Uskup Katolik Thailand, mencerminkan kepelbagaian budaya dan agama yang menjadi identiti Keuskupan Chiang Mai.

Turut hadir ialah Nunsius Apostolik ke Thailand, Uskup Agung Peter B. Wells, para uskup dari Thailand dan negara jiran, serta pemimpin agama dan wakil pihak berkuasa.

Dalam ucapan sulungnya, Uskup Peter berkata kekuatan Keuskupan Chiang Mai terletak pada kepelbagaian etnik, bahasa, budaya dan tradisinya.

"Seperti banyak sungai yang

bercantum menjadi sebatang sungai besar, kepelbagaian bukan halangan tetapi anugerah. Apabila kasih menyatukan setiap hati, perpaduan dapat diwujudkan tanpa menghapuskan perbezaan," katanya.

Beliau turut memberi penghormatan kepada para mubaligh, uskup, paderi, religius, katekis dan umat awam yang telah membangun Gereja di utara Thailand melalui pengorbanan mereka.

Uskup Peter menegaskan bahawa Gereja perlu keluar untuk mendampingi umat di tempat mereka berada, terutama dalam dunia yang semakin dipenuhi ketidakpastian, perpecahan dan kesunyian. Moto episkopalnya, *Caritas Omnia Corda Unit* (Kasih Menyatukan Semua Hati), akan menjadi pedoman pelayanannya.

Beliau menegaskan bahawa kasih Kristian membuka hati manusia untuk saling menerima dan berjalan bersama walaupun berbeza latar belakang. **LiCAS News**



NEW YORK: Takhta Suci menegaskan bahawa masalah gelandangan perlu ditangani bagi mewujudkan bandar yang mampan, inklusif dan berperikemanusiaan yang membolehkan setiap insan berkembang secara menyeluruh serta menyumbang kepada kesejahteraan bersama.

Penegasan itu dibuat oleh Misi Pemerhati Tetap Takhta Suci di Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) dalam satu kenyataan yang dikeluarkan sempena Mesyuarat Peringkat Tinggi Perhimpunan Agung PBB mengenai Agenda Bandar Baharu 2026 di New York.

Menurut kenyataan itu, masalah gelandangan yang berterusan seharusnya mengusik hati nurani masyarakat antarabangsa.

"Setiap orang berhak memiliki tempat yang boleh dipanggil rumah, tempat mereka membina hubungan, memupuk kehidupan keluarga dan mengambil bahagian sepenuhnya dalam komuniti."

"Perumahan tidak sepatutnya dilihat semata-mata sebagai komoditi atau aset kewangan, tetapi sebagai asas penting masyarakat yang melayani kesejahteraan bersama," kata delegasi Takhta Suci.

Takhta Suci turut menegaskan bahawa bandar yang dibangunkan berasaskan solidariti, keterangkuman dan keprihatinan terhadap golongan paling memerlukan akan menjadi ruang yang memupuk persaudaraan, harapan dan pertemuan, bukan sekadar tempat tinggal atau bekerja.

Dalam kenyataannya, delegasi itu memetik ensiklik *Magnifica Humanitas* oleh Sri Paus Leo XIV yang menegaskan bahawa pembangunan hanya benar-benar bersifat manusiawi apabila meletakkan insan sebagai pusatnya.

Prinsip tersebut disifatkan sebagai panduan penting dalam pelaksanaan Agenda Bandar Baharu pada dekad akan datang.

Takhta Suci juga menyifatkan gelandangan sebagai satu pencabulan terhadap martabat manusia.

Menurutnya, kehilangan tempat tinggal bukan sekadar ketiadaan bumbung untuk berteduh, tetapi turut menyebabkan seseorang kehilangan rasa selamat, kestabilan, privasi dan rasa memiliki dalam komuniti.

Menurut kenyataan tersebut, keadaan itu menjejaskan kepercayaan seseorang menikmati hak-

hak asasi dan sering memerangkap individu serta keluarga dalam kitaran kemiskinan dan peminggiran.

Sehubungan itu, Takhta Suci menggesa negara-negara dan pihak berkuasa tempatan meningkatkan pelaburan dalam penyediaan perumahan mampu milik yang berkualiti, di samping memperkukuh perkhidmatan sosial yang bersepadu.

Delegasi itu turut menggesa supaya punca-punca utama gelandangan ditangani, termasuk kemiskinan, pengangguran, penagihan dadah, masalah kesihatan mental, keruntuhan institusi keluarga, perpindahan paksa dan konflik.

Menurut kenyataan itu, usaha tersebut memerlukan penglibatan aktif komuniti setempat, pertubuhan masyarakat sivil, organisasi berasaskan iman serta individu yang pernah mengalami kehidupan sebagai gelandangan.

Takhta Suci turut menekankan kepentingan dasar perumahan yang mengambil pendekatan menyeluruh dengan menghubungkan aspek pendidikan, pekerjaan, kesihatan dan perumahan, sekali gus membantu mencegah peminggiran serta pengasingan sosial. **Media Vatikan**


KIGALI, Rwanda: Eksploitasi dalam talian kini semakin menjadi pintu masuk kepada jenayah perdagangan manusia. Kanak-kanak menjadi sasaran melalui taktik *grooming*, penggunaan identiti palsu dan pelbagai bentuk manipulasi sebelum penderaan terhadap mereka dapat dikesan. Demikian amaran para penceramah pada Kongres Dunia SIGNIS 2026.

Isu tersebut dibincangkan dalam salah satu daripada empat sesi selari semasa kongres yang berlangsung di Kigali, Rwanda, dari Ogos 3 hingga 8 lalu.

Para pakar daripada pelbagai bidang menyeru pendekatan yang lebih menyeluruh bagi menangani cabaran yang dihadapi kanak-kanak dan golongan muda dalam dunia digital.

Mereka menegaskan bahawa usaha melindungi kanak-kanak tidak seharusnya hanya tertumpu kepada tindakan selepas penderaan berlaku, sebaliknya perlu memberi keutamaan kepada pencegahan, pendidikan dan pembentukan sikap bertanggungjawab dalam penggunaan teknologi digital.

Menurut para penceramah, perlindungan kanak-kanak bermula



Gereja diseru lindungi kanak-kanak dalam era digital

dalam keluarga, namun tanggungjawab itu tidak boleh dipikul oleh ibu bapa sahaja.

Pendidik, komuniti berasaskan iman, kerajaan dan syarikat teknologi digesa bekerjasama mewujudkan ruang digital yang selamat.

Mereka turut menekankan kepentingan literasi digital, penggunaan teknologi secara beretika serta perlindungan dalam talian yang lebih kukuh bagi melindungi

kanak-kanak. Dalam masa yang sama, para penceramah mengingatkan bahawa teknologi semata-mata tidak mampu menyelesaikan masalah yang berpunca daripada tingkah laku manusia.

Walaupun kecerdasan buatan (AI) mampu menyediakan pelbagai alat yang berguna, ia tidak dapat menggantikan kebijaksanaan, empati dan penilaian moral. **LiCAS News**

VATIKAN: Sri Paus Leo XIV kembali mengadakan Audiens Umum pada Rabu, Ogos 5, selepas berehat selama beberapa minggu di Castel Gandolfo.

Di hadapan ribuan umat yang berhimpun di Basilika Santo Petrus, beliau meneruskan siri katekesis mengenai Konstitusi tentang Liturgi Suci, *Sacrosanctum Concilium* dengan memberi tumpuan kepada kepentingan doa liturgi dalam kehidupan Gereja.

“Seperti yang diajarkan oleh Rasul Paulus, Roh Kuduslah yang mengajar kita berdoa,” kata Sri Paus.

Beliau menjelaskan bahawa sejak Hari Pentakosta, Roh Kudus sentiasa hadir dalam Gereja, menghidupkan setiap aspek pelayanannya, khususnya kehidupan doa. Sejak saat itu juga, Gereja tidak pernah berhenti berhimpun untuk merayakan misteri Paskah Kristus.

Menemui semula makna sebenar doa

Sri Paus Leo mengakui bahawa dalam dunia hari ini, yang banyak dipengaruhi budaya mengejar kecekapan dan kepenggunaan, doa sering dianggap tidak penting atau sekadar pelengkap kehidupan.

Dalam masyarakat yang melihat sains dan teknologi seolah-olah mampu memberikan jawapan kepada segala persoalan, doa kadangkala disalah anggap sebagai jalan melarikan diri daripada realiti atau sekadar teknik psikologi untuk mencapai ketenangan diri.

Namun, tegas beliau, doa perlu ditemui semula dalam maknanya yang sebenar.

Liturgi sebagai tempat pertemuan dengan Tuhan

Menurut Sri Paus, *Sacrosanctum Concilium* memberikan penekanan yang jelas terhadap perkara ini dengan melihat liturgi sebagai keseluruhan kehidupan doa Gereja.

Beliau menjelaskan bahawa pemahaman tersebut menjadi asas kepada pembaharuan liturgi yang dilaksanakan



Jangan tinggalkan doa!

selepas Konsili Vatikan II, khususnya dengan menegaskan penyertaan aktif umat sebagai unsur utama dalam perayaan liturgi.

“Liturgi ialah tempat pertemuan antara Tuhan dan manusia, di mana Tuhan sendiri mengambil inisiatif untuk mendekati umat manusia melalui Putera-Nya,” katanya.

Menguduskan kehidupan seharian

Sri Paus Leo turut menegaskan bahawa Perayaan Ekaristi dan Ibadat Harian (*Liturgy of the Hours*) merupakan “nafas kehidupan Gereja” yang membolehkan Roh Kudus terus menghidupkan Tubuh Kristus.

Melalui doa liturgi ini, Kristus menghimpunkan seluruh umat manusia bersama-Nya untuk mempersembahkan pujian kepada Tuhan.

Prelatus itu menjelaskan bahawa setiap waktu doa mempunyai makna tersendiri.

Pada waktu pagi, umat memulakan hari dengan iman dan kesyukuran. Pada tengah hari, mereka memohon kekuatan untuk tetap setia dalam tugas dan pekerjaan.

Pada waktu petang, Ibadat Senja mengiringi penghujung hari sebagai ungkapan syukur, manakala pada waktu malam, umat menyerahkan diri kepada kedamaian Tuhan sebelum beristirahat.

Mengakhiri katekesisnya, Sri Paus Leo menegaskan bahawa setiap waktu doa merupakan ungkapan harapan. “Sepanjang perjalanan ziarah hidup di dunia ini, kita berjaga-jaga bersama seluruh Gereja sambil menantikan kedatangan Tuhan yang mulia,” katanya. **Media Vatikan**

Jus rohani untuk jiwa

Dalam tradisi Katolik, harapan (*spes*) bukan sekadar sikap optimis atau mengharapkan sesuatu yang baik berlaku.

Harapan ialah salah satu daripada tiga kebajikan ilahi (iman, harapan dan kasih) yang dicurahkan oleh Tuhan ke dalam hati orang beriman (Katekismus Gereja Katolik 1817–1821).

Bapa-bapa Gereja sering mengajar bahawa tanpa harapan, manusia mudah jatuh ke dalam keputusasaan, dosa dan kehilangan arah hidup.

Berikut ialah tujuh sebab mengapa kita tidak boleh hidup tanpa harapan, disokong oleh ajaran Bapa-bapa Gereja dan petikan Kitab Suci.

1. Harapan membuat kita terus memandangkan kepada Kristus

Sto Augustine mengajar bahawa hati manusia tidak akan menemukan ketenangan sehingga beristirahat dalam Tuhan.

“Hati kami gelisah sehingga ia beristirahat di dalam Engkau.”

— *Confessions*, I, 1

Harapan mengarahkan hati kepada Kristus, bukan kepada perkara duniawi.

2. Harapan memberi kekuatan ketika menderita

Sto Yohanes Chrysostom mengajar bahawa penderitaan tidak menghancurkan orang Kristian kerana mereka hidup dalam pengharapan akan kebangkitan.

Mengapa harus hidup dengan HARAPAN?



3. Harapan melindungi kita daripada putus asa

Sto Cyprian dari Carthage mengingatkan bahawa orang Kristian tidak boleh menyerah kepada keputusasaan kerana Kristus telah mengalahkan maut.

4. Harapan mendorong kita bertumbuh dalam kekudusan

Sto Gregory of Nyssa melihat kehidupan Kristian sebagai perjalanan tanpa henti menuju Tuhan.

5. Harapan memberi keberanian menghadapi masa depan

Sto Ambrose mengajar bahawa orang yang berharap kepada Tuhan tidak diperhambakan oleh ketakutan terhadap hari esok.

6. Harapan mengajar kita menantikan Syurga

Sto Irenaeus menegaskan bahawa

kehidupan Kristian sentiasa mengarah kepada kehidupan kekal bersama Tuhan.

7. Harapan melahirkan sukacita

Sto Basil Agung mengingatkan bahawa sukacita Kristian bukan berasal daripada keadaan hidup yang baik, tetapi daripada keyakinan bahawa Tuhan sentiasa menyertai umat-Nya.

Kesimpulan: Bagi Gereja Katolik, harapan bukanlah angan-angan kosong atau keyakinan bahawa semuanya akan berjalan lancar. Harapan berakar pada kebangkitan Kristus dan keyakinan bahawa Tuhan setia kepada janji-Nya.

Oleh itu, walaupun berhadapan dengan penderitaan, penyakit atau kematian, orang Kristian tetap mampu melangkah ke hadapan kerana harapan mereka tidak bergantung pada keadaan dunia, tetapi pada Kristus yang telah mengalahkan dosa dan maut. **Aleteia**

PENULIS BERKICAU

Katekis di Era ChatGPT

Lebih seribu katekis berhimpun di Sandakan sempena Perhimpunan Kateketikal Sabah Ke-3 (PKS-3). Melihat lautan manusia itu, saya tertanya-tanya: mengapa begitu ramai sanggup mengorbankan masa, cuti dan tenaga untuk menghadiri sebuah perhimpunan yang tidak menawarkan ganjaran material?

Jawapannya mungkin mudah. Mereka datang kerana percaya bahawa membimbing seseorang mengenali Kristus adalah satu panggilan, bukan sekadar tugas.

Namun, angka 1,048 peserta sebenarnya hanya sebahagian kecil daripada kisah yang lebih besar.

Jika setiap orang daripada mereka membimbing 20 orang murid kelas Program Minggu Gembira (PMG), Komuni Pertama atau Penguatan, itu bermakna lebih 20,000 orang sedang disentuh oleh pelayanannya mereka. Itu belum termasuk mereka yang menjadi pembimbing Inisiasi Kristian Dewasa (IKD), yang mungkin hanya membimbing seorang atau dua katekumen, tetapi berjalan bersama mereka selama berbulan-bulan sehingga menerima Sakramen Pembaptisan pada Malam Paskah.

Dalam Kerajaan Tuhan, kejayaan tidak pernah diukur dengan bilangan murid. Kadang-kadang seorang katekis hanya mempunyai seorang katekumen. Namun seorang itu boleh mengubah sebuah keluarga, sebuah komuniti, malah generasi seterusnya.

Melihat wajah-wajah para katekis yang berhimpun di Sandakan, saya teringat akan zaman kanak-kanak hampir empat puluh tahun dahulu.

Ketika itu, kami tidak mengenal Google. Kami tidak mempunyai YouTube. Jauh sekali ChatGPT. Jika kami ingin mengetahui mengapa umat Katolik membuat tanda salib, mengapa perlu menghormati Bonda Maria atau mengapa harus mengaku dosa, kami akan mencari seorang katekis.

Merekalah “Google” pertama bagi generasi seperti saya. Bezanya, jawapan mereka bukan hasil carian internet. Jawapan mereka lahir daripada doa, pengalaman hidup dan kasih kepada Kristus.

Pada masa kini AI boleh membantu menghasilkan aktiviti menarik untuk Sekolah Minggu. Hanya dengan beberapa saat, AI mampu menyediakan rancangan pelajaran, menghasilkan kuiz Kitab Suci, melukis ilustrasi kisah Injil, membina permainan untuk PMG, menyediakan nota Komuni Pertama, menghasilkan bahan Penguatan, malah membantu menyediakan modul IKD dan Teologi Tubuh (TOB). AI boleh menjelaskan maksud Tritunggal. AI boleh mencari petikan Kitab Suci.

Namun AI tetap mempunyai batas.

AI tidak tahu bahawa seorang murid PMG sedang bersehid kerana ibu bapanya berpisah. AI tidak dapat memegang tangan seorang katekumen yang takut menerima Pembaptisan. AI tidak dapat menangis bersama keluarga yang kehilangan orang tersayang. AI tidak dapat menjadi saksi kehidupan Kristian.

Itulah sebabnya saya tidak pernah melihat AI sebagai pengganti katekis sebaliknya, AI ialah pembantu kepada seorang katekis.

Ketika lebih seribu katekis berhimpun di Sandakan, saya tidak melihat seribu orang guru agama. Saya melihat lebih seribu orang yang sedang membentuk puluhan ribu murid di seluruh Sabah.

Mereka mungkin kini mempunyai Google, ChatGPT dan pelbagai teknologi baharu di hujung jari. Namun perkara yang paling diperlukan oleh Gereja tetap sama seperti empat puluh tahun dahulu — lelaki dan wanita yang sanggup mengasihi Kristus sehingga rela berkongsi iman dengan orang lain.

AI mungkin mampu menjawab soalan tentang Tuhan, tetapi hanya seorang katekis dapat membantu seseorang mengalami kasih Tuhan melalui kehadiran, kesaksian dan pelayanannya.

Kita boleh memanfaatkan AI untuk menghasilkan bahan katekesis. Tetapi hanya seorang katekis dapat menghasilkan seorang murid Kristus!

MARI dan jadilah komuniti pemberita HERALD. Kami amat mengalu-alukan sumbangan artikel, pendapat dan perkongsian kita.

Kami mengalu-alukan artikel dalam 400-500 patah perkataan, gambar high-resolution (300 DPI) dalam format JPG atau PNG serta berkapsyen.

Kita boleh menghantar artikel kepada liza@herald.com.my atau WhatsApp: 011-26391498



Perhimpunan Kateketikal Sabah kali ke-3



Menjadi Kristus kepada satu sama lain

SANDAKAN: “Adakah saya masih melayani kerana saya mengasihi Kristus, atau kerana saya mengharapkan penghargaan daripada manusia?”

Persoalan yang dilontarkan Msgr David A. Garaman pada pembukaan Perhimpunan Kateketikal Sabah (PKS) Ke-3 menjadi cabaran kepada lebih 1,000 katekis dari seluruh Sabah untuk kembali kepada asas panggilan mereka, iaitu menghidupi keperibadian Kristus dalam setiap pelayanan.

Perhimpunan yang berlangsung di Wisma Tay Chee Ming pada Julai 31 hingga Ogos 2 dengan tema “*Be Christ to One Another*” (Mat 25:40) itu menyaksikan kehadiran seramai 1,048 katekis dari Keuskupan Agung Kota Kinabalu, Keuskupan Sandakan dan Keuskupan Keningau, bersama lima orang delegasi dari Keuskupan Agung Kuala Lumpur.

Sepanjang tiga hari, para peserta mengikuti pelbagai sesi formasi, doa, perkongsian dan refleksi yang memperbaharui komitmen mereka sebagai pewarta dan pendidik iman.

Perhimpunan dibuka secara rasmi dengan Misa Kudus yang dipimpin oleh Uskup Julius Dusin Gitom.

Perayaan Ekaristi tersebut menjadi pembukaan rohani kepada perhim-

punan, dengan menegaskan kepengetahuan memperkukuh pelayanan kateketikal, memupuk semangat kesatuan antara ketiga-tiga keuskupan di Sabah, serta memperbaharui komitmen para peserta untuk mewartakan dan meneruskan pewarisan iman.

Hari kedua dimulakan dengan sesi bertajuk “Mengongsikan Khabar Baik”, yang disampaikan oleh Uskup Agung John Wong Soo Kau dalam bahasa Cina, manakala Fr Boniface Kimsin menyampaikan sesi yang sama dalam bahasa Melayu.

Para peserta diingatkan bahawa katekis dipanggil menjadi pembawa sukacita Injil dengan menyampaikan khabar baik secara kreatif, relevan dan mampu menyentuh hati umat pada zaman ini.

Sesi berikutnya bertajuk “Katekis dan Sinodaliti” dikendalikan oleh Msgr Nicholas Stephen dalam bahasa Melayu dan Fr Mitchelly Kiun dalam bahasa Cina.

Mereka menegaskan bahawa Gereja yang sinodal menuntut seluruh umat berjalan bersama, saling mendengar dan melibatkan semua pihak dalam kehidupan Gereja.

Prinsip-prinsip ini turut diterjemahkan secara praktikal dalam pelayanan katekesis di sekolah minggu dan ko-

muniti paroki.

Bagi membantu para peserta menghayati dan mengintegrasikan ilmu yang diperoleh, hari kedua turut diisi dengan sesi penegasan rohani (discernment) dan perbualan rohani (*spiritual conversation*) secara berkumpulan.

Melalui sesi ini, para delegasi membuat refleksi terhadap panggilan mereka, berkongsi pengalaman pelayanan serta bersama-sama menegaskan kehendak Tuhan dalam semangat persaudaraan dan saling mendengar. Kemuncak hari kedua ialah Adorasi Sakramen Mahakudus.

Dalam suasana doa dan kehenangan, para katekis dibawa ke hadirat Tuhan untuk memperbaharui komitmen pelayanan serta memohon kekuatan rohani bagi meneruskan perutusan mereka.

Pada sebelah malam, Joseph Tec membentangkan sesi mengenai Sejarah Kateketikal di Sabah, manakala Sr Laura A. menyampaikan perkongsian mengenai Perjalanan Gereja menuju Jubli 2033.

Hari terakhir dimulakan dengan sesi bertajuk “*Go Forth*” yang disampaikan oleh Msgr Gilbert D. Lasius beraskan Amanat Agung Yesus dalam Matius 28:18–20.

apabila segala yang dimiliki diserahkan kepada Tuhan dengan penuh iman, Tuhan akan menggandakan usaha yang kecil menjadi berkat yang besar bagi Gereja dan umat-Nya.

Misa Kudus pengutusan itu menandakan berakhirnya Perhimpunan Kateketikal Sabah Ke-3, yang sepanjang tiga hari menghimpunkan 1,048 katekis dari Keuskupan Agung Kota Kinabalu, Keuskupan Sandakan dan Keuskupan Keningau untuk memperbaharui panggilan mereka sebagai pembawa dan pendidik iman.

Sebelum bersurai, diumumkan bahawa Keuskupan Keningau akan menjadi tuan rumah Perhimpunan Kateketikal Sabah Ke-4, sekali gus meneruskan tradisi pembentukan, persaudaraan dan kerjasama dalam kalangan katekis di Sabah.

Fr Nicholas Ong, kembali ke rumah Bapa

TAWAU: Pemergian Fr Nicholas Ong Se Tshin pada usia 76 tahun menandakan berakhirnya hampir 48 tahun pelayanan imamat yang penuh dedikasi.

Sepanjang hidupnya, beliau dikenang bukan sekadar paderi, tetapi kerana kesetiannya sebagai gembala yang membentuk iman umat, melatih para seminarian, membimbing golongan muda serta sering muncul dalam media sosial memberikan pelbagai nasihat rohani.



Beliau turut menerbitkan koleksi homili dalam bahasa Inggeris, bahasa Melayu dan Hakka sebagai warisan rohani kepada umat.

Sejak menjadi rektor Gereja Holy Trinity, Tawau pada tahun 2008, Fr Nicholas memberi penekanan kepada pembangunan Komuniti Kristian Dasar (KKD/KED) kerana baginya sebuah paroki bukan sekadar tempat berkumpul pada hari Minggu.

Beliau juga membuka ruang gereja untuk pendidikan kanak-kanak migran, memberi kepercayaan kepada golongan muda serta menggalakkan penjagaan alam sekitar melalui inspirasi ensiklik *Laudato Si’*.

Minatnya terhadap astronomi dan alam ciptaan membantu ramai melihat kebesaran Tuhan melalui keindahan alam semesta.

Kasih kepada Tuhan mengatasi penderitaan kanser

Pada tahun 2014, Fr Nicholas disahkan menghidap kanser hidung. Namun penyakit itu tidak menghalangnya daripada terus melayani umat.

Sebaliknya, beliau semakin menumpukan hidupnya kepada kasih kepada Tuhan dan sesama manusia.

Ketika ulang tahun imamatnya yang ke-38 pada tahun 2016, beliau mengingatkan bahawa paderi juga manusia biasa yang memerlukan doa umat.

Pada kesempatan itu, beliau mengungkapkan kata-kata yang kemudian menjadi lambang seluruh hidupnya: “*God is my everything... I will serve Him to my last moment.*” Kata-kata itu benar-benar menjadi kenyataan apabila beliau terus berkhidmat dengan setia sehingga akhir hayatnya.

Memperkukuhkan Gereja Sabah

Dilahirkan di Sandakan pada Januari 5, 1950, Fr Nicholas mula merasakan panggilan menjadi paderi sejak di bangku sekolah rendah. Walaupun bapanya pada mulanya kurang bersetuju, beliau tetap memilih jalan imamat.

Pada tahun 1971, ketika ramai misionari asing meninggalkan Sabah, beliau memasuki seminari.

Setelah menamatkan pengajian di Singapura dan Pulau Pinang, beliau ditahbiskan sebagai paderi pada Oktober 3, 1978, sekali gus menjadi antara paderi tempatan yang membantu memperkukuhkan Gereja Sabah.

Vikar Jeneral pertama Keuskupan Sandakan

Fr Nicholas kemudian berkhidmat di pelbagai paroki di Sabah sebelum melanjutkan pengajian dalam bidang spiritualiti Kristian di Berkeley, California.

Sekembalinya ke tanah air, beliau menjadi pembimbing seminarian di St Peter’s College, Kuching, berkhidmat dalam pelbagai badan keuskupan, menjadi kapelan kepada Sisters Karmelit serta Vikar Jeneral pertama Keuskupan Sandakan.

Berakar pada Sabda dan Ekaristi

Ekaristi dan Sabda Tuhan menjadi teras pelayanannya. Beliau percaya bahawa perayaan Ekaristi harus melahirkan belas kasihan, pelayanan kepada golongan miskin serta pewartaan Injil melalui kehidupan.

Homilinya terkenal kerana penyampaian yang penuh semangat dan mudah dikaitkan dengan kehidupan seharian.

Walaupun suaranya semakin lemah selepas menjalani rawatan kanser, semangat pew-

Melayani Tuhan hingga akhir hayat

Warisan terbesar Fr Nicholas bukanlah bangunan atau jawatan, tetapi kehidupan umat yang disentuh oleh pelayanannya.

Beliau akan sentiasa dikenang sebagai seorang paderi Ekaristi, pewarta Sabda, pembina komuniti, pembimbing para seminarian, sahabat kepada golongan miskin dan migran, pendamping belia serta penjaga alam ciptaan yang setia hingga ke akhir hayat.

Kamulah mukjizat dalam Gereja

SANDAKAN: “Kamulah mukjizat dalam Gereja. Kamulah yang memperlihatkan bahawa karya mukjizat Tuhan terus hidup, terus berkembang dan terus menyentuh kehidupan umat.” Demikian penegasan Msgr Gilbert D. Lasius dalam homilinya pada Misa Pengutusan yang menutup Perhimpunan Kateketikal Sabah (PKS) Ke-3 di Wisma Tay Chee Ming, Sandakan, pada Ogos 2 lalu.

Mengambil inspirasi daripada mukjizat Yesus memperbanyakkan lima roti dan dua ekor ikan sehingga mengenyangkan lebih lima ribu orang, beliau mengingatkan bahawa para katekis juga dipanggil untuk mengambil bahagian dalam karya mukjizat Tuhan melalui pelayanan mereka.

Menurut beliau, seperti para murid yang hanya memiliki lima roti dan dua ekor ikan, para katekis juga mungkin berasa serba kekurangan dan tidak mempunyai kemampuan luar biasa.

Namun, Tuhan tidak meminta mereka melakukan perkara yang mustahil, sebaliknya menggunakan apa yang mereka miliki untuk melaksanakan karya-Nya.

“Apa yang kita miliki ialah semangat melayani, senyuman, kasih kepada Tuhan, kasih kepada sesama, kerendahan hati, bakat, kebijaksanaan, kesabaran, ketekunan dan kegigihan. Walaupun kita mengakui kelemahan dan keterbatasan diri, Tuhan tetap menggunakan apa yang kita miliki sebagai asas untuk melaksanakan misi-Nya,” katanya.

Beliau turut mengingatkan bahawa